

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : YB Dato' Kamarul Baharin bin
Abbas [Telok Kemang]**

TARIKH : 24 November 2015 (Selasa)

**SOALAN : Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
[Telok Kemang] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan :-**

(a) bentuk perancangan Kerajaan dalam menangani masalah tanah terbiar yang telah dikenal pasti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan

(b) cara mana peruntukan hanya sebanyak RM140 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 digunakan untuk pembangunan tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seluas 119,273 hektar tanah terbiar yang berpotensi untuk dibangunkan telah dikenal pasti di Semenanjung Malaysia dan sebanyak 27,007.7 hektar dikenal pasti di Sarawak untuk dibangunkan. Manakala di negeri Sabah, pengumpulan data maklumat tanah terbiar sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

Pembangunan tanah terbiar tersebut akan mengambil kira keadaan tanah dan kesesuaian tanah bagi sesuatu projek pertanian yang ingin dijalankan. Bagi pemilik tanah yang ingin mengusahakan tanah terbiar tersebut, bantuan akan diberikan kepada pemilik tanah terbiar untuk kerja-kerja awal tanah seperti pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur asas selain penyediaan input dengan nilai bantuan sebanyak RM20,000 sehektar. Di bawah RMke-11, sebanyak RM140 juta dipohon dengan sasaran tanah terbiar yang akan dibangunkan dianggarkan seluas 7,000 hektar dan memberi fokus kepada tanaman kontan seperti buahan dan sayuran bagi tujuan meningkatkan tahap sara diri agromakanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (Selasa)

SOALAN : 34

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sebab kontrak untuk memindah kubur-kubur Kampung Baru Cina Sedenak diberi kepada Hock Hiang Funeral Corporation Sdn. Bhd. tanpa tender terbuka, nilai kontrak, dan cara untuk menentukan nilai kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja pengalihan kubur cina di atas Lot 1387, Mukim Sedenak, Daerah Kulai dilaksanakan oleh sebab lot tersebut diambilbalik oleh Kerajaan untuk pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru.

Permohonan untuk **tender perkhidmatan secara runding terus** dibuat oleh Kementerian ini kepada Kementerian Kewangan pada 9 Februari 2015 atas sebab berikut;

1. Kerja pengalihan kubur cina ini tidak disenaraikan di dalam skop perkhidmatan / kod bidang pendaftaran Kementerian Kewangan,
2. Tiada syarikat / firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk kerja-kerja tersebut,
3. Kerja ini memerlukan kepakaran dan pengalaman khusus yang berkaitan dengan kepercayaan kaum tionghua, dan
4. Kerja pengalihan kubur ini bukan bersifat pembinaan.

Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan Kementerian ini pada 2 Mac 2015 dan Syarikat Hock Hiang Funeral Corporation Sdn. Bhd. yang berasal dari Ulu Tiram, Johor telah dilantik pada 1 April 2015 bagi melaksanakan kerja pengalihan kubur tersebut.

Nilai kontrak yang telah diawadkan kepada syarikat ini adalah RM3,858,400.00 (termasuk 6% GST).

Perkara-perkara yang diambilkira di dalam nilai kontrak tersebut adalah seperti berikut;

1. Skop kerja yang akan dilaksanakan,
2. Bilangan jasad di dalam kubur yang terlibat,
3. Upacara keugamaan kaum tionghua yang perlu dibuat (*Prayer Ceremony*), dan
4. Kadar harga bagi kerja-kerja pengalihan kubur yang sama sebelum ini yang berdekatan di dalam kawasan Johor Bahru.